

Kerajaan terus usaha buru 'ikan besar' terbabit rasuah

Gejala berleluasa, bersifat sistemik perlukan kesungguhan untuk dibanteras

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Awar Ibrahim, semalam menegaskan kerajaan akan terus mengambil tindakan dalam membanteras rasuah termasuk yang membabitkan 'ikan besar', bekas Perdana Menteri atau bekas menteri.

Anwar, berkata usaha membanteras rasuah memerlukan usaha yang sangat besar kerana gejala itu bukan saja berleluasa namun bersifat sistemik.

"Walaupun ada kejayaan, kita masih berdepan isu besar. Anda juga sedar bahawa dalam kalangan pemimpin politik, termasuk pembangkang, sokongan tidak begitu kuat (terhadap usaha membanteras rasuah).

"Setiap kali kerajaan menyentuh pemimpin besar atau tokoh korporat utama, akan ada suara yang mempertikaikan tindakan berkenaan," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis



Pengunjung teruja berpeluang menyaksikan panda jantan sempena majlis pembukaan rasmi Pusat Konservasi Giant Panda di Zoo Negara, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

pembukaan rasmi Pusat Konservasi Giant Panda (PKGPP) di Zoo Negara, semalam.

Pantau jentera kerajaan

Pada masa sama, katanya, beliau juga terus memantau rapi Kabinet serta jentera kerajaan.

Pada sidang media itu, Anwar turut ditanya mengenai keperluan melakukan reformasi besar-besaran dalam pasukan per-

tahanan negara.

Anwar, berkata, jika dibandingkan beberapa tahun lalu, tahap penguatkuasaan sekarang adalah berkesan dan agak membanggakan.

"Saya tidak mengatakan bahawa saya berpuas hati sepenuhnya. Tetapi saya memuji agensi penguatkuasaan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lembaga Hasil

Dalam Negeri (LHDN), Imigresen dan lain-lain," katanya.

BH sebelum ini melaporkan mengenai siasatan SPRM terhadap rasuah perolehan dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) yang membabitkan pegawai kanan pasukan itu serta isterinya.

SPRM juga dilaporkan sedang menyiasat seorang lagi pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berhubung kes sama.